

# Warming The Soul

## Pengenalan

'Warming the Soul' (WTS) adalah sebuah inisiatif projek sukarelawan yang diwujudkan untuk memberi manfaat dalam skala besar di komuniti setempat. Inisiatif ini bermula di Ireland pada tahun 2014 dan telah melaksanakan pelbagai projek yang memberi impak positif kepada masyarakat.

## Misi Kami

Misi utama 'Warming the Soul' adalah untuk menyediakan bantuan kepada komuniti tempatan dan menyemarakkan semangat sukarelawan. Kami berusaha untuk membantu individu dan keluarga yang memerlukan dengan memberi sokongan emosi, fizikal, dan sosial.

Contoh projek yang telah dilakukan oleh 'Warming the Soul' termasuk :

- Memberi makanan kepada gelandangan
- Menyumbangkan barang-barang keperluan
- Membuat lawatan ke rumah-rumah orang tua

Melalui usaha sukarelawan kami, kami berharap untuk mencipta perubahan positif dalam komuniti dan meningkatkan kualiti hidup mereka yang memerlukan bantuan. Kami sentiasa mencari peluang untuk bekerjasama dengan individu dan organisasi yang berkongsi hasrat kami untuk membantu orang lain.

Perancangan Aktiviti:

Sebelum melaksanakan projek besar seperti "Feeding The Homeless" kami membuat perancangan aktiviti yang komprehensif. Ini termasuk acara-acara kecil seperti charity games dan jualan amal yang bertujuan untuk mengumpul dana bagi tujuan kemanusiaan.

Tabung Sumbangan:

Kami juga menyediakan peluang untuk menyumbang kepada projek kami melalui tabung sumbangan, walaupun dalam skala tertutup. Ini membolehkan penyertaan yang lebih terkawal dan membantu kami mencapai matlamat kemanusiaan kami.

## **Jom sertai kami !**

Kami mengalu-alukan sesiapa yang berminat untuk menyertai misi kami dalam menyokong masyarakat dan menyuburkan semangat sukarelawan dalam diri. Anda juga boleh memberi sumbangan atau menjadi sebahagian daripada kami dalam menjalankan projek-projek yang bermanfaat kepada komuniti.